

**PERUTUSAN PENGERUSI
YANG BERUSAHA TUAN KHAIRUL AMIR
BIN MOHAMAD ZUBIR
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
UNTUK MESYUARAT TUJUAN-TUJUAN AM
BIL 2/2021 PADA 23 MAC 2021**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Setiausaha Majlis Perbandaran Taiping,

Yang Bahagia Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Taiping,

Ketua-ketua Jabatan / Bahagian,

Majlis Perbandaran Taiping.

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, kita mengadakan Mesyuarat Tujuan-tujuan Am Bil 2/2021 dan terus berkhidmat dan memberi perkhidmatan kepada warga Taiping. Dalam suasana pandemik COVID-19 yang tidak menentu, kita harus mengalas tugas dan amanah yang diberikan untuk menjelmakan segala perancangan kepada realiti, demi untuk rakyat.

1.0 PERKETATKAN PEMATUHAN SOP

Sudah setahun kita menerima ujian dengan cabaran yang cukup besar dan sehinggalah ke hari ini, kita masih berdepan dengan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Dalam menghadapi suasana seperti ini, MPT tetap memberi keutamaan dengan memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Taiping. Kita juga memberi fokus kepada aspek keselamatan dan kebersihan bagi memastikan masyarakat selamat dari pandemik COVID-

19 dengan memantau pematuhan SOP bersama-sama dengan agensi yang lain.

Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian wajar meneruskan amalan norma baharu dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Kerap membasuh tangan, penjarakan fizikal dan memakai topeng pelitup sangat penting sebagai bingkai pencegahan penyebaran COVID-19. Janganlah kita alpa kerana kita masih belum menang.

Insyallah kita akan bersama-sama menjayakan usaha kita dalam membendung penularan pandemik COVID-19. Atas kesungguhan, komitmen, kesabaran, ketabahan dan keredaan, mudah-mudahan Allah SWT memberikan kebaikan kepada semua.

YBhg Dato' / Datin / Tuan / Puan,

2.0 PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Kerajaan telah melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi memastikan antara 70%-80% rakyat menerima vaksin menjelang Februari 2022 dan sekaligus membentuk imuniti kelompok bagi mengekang penularan pandemik COVID-19.

Seperti yang telah diumumkan, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan mengandungi tiga fasa. Fasa pertama akan melibatkan petugas barisan hadapan, bermula pada 26 Februari sehingga April 2021. Fasa kedua pula akan bermula pada bulan April sehingga Ogos 2021 dan akan melibatkan kumpulan yang berisiko tinggi, manakala

Fasa Ketiga akan melibatkan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, bermula dari bulan Mei 2021 sehingga Februari 2022. Di Daerah Larut Matang, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengenal pasti 3 lokasi untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) iaitu Dewan ADTEC Taiping, Dewan MPT Kamunting dan Dewan Serbaguna Sungai Kerang.

Terdapat 3 cara mudah untuk mendaftar vaksinasi COVID-19 iaitu melalui aplikasi MySejahtera, melalui laman sesawang <https://www.vaksinCovid.gov.my> atau melalui talian 1800-888-828. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Majlis kerana memberi kerjasama bagi menjayakan program ini dengan bersetuju menawarkan diri bagi penerima Vaksin COVID-19 yang terawal. Justeru, saya menyeru warga kerja Majlis Perbandaran Taiping untuk segera mendaftar melalui mana-mana saluran pendaftaran yang disediakan supaya sama-sama kita berusaha untuk menghentikan penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Apabila tiba giliran untuk divaksin, pastikan kita hadir pada waktu yang telah ditetapkan, untuk dos pertama dan juga dos kedua, kerana apabila diri kita dilindungi, kita juga dapat melindungi yang lain terutama orang yang disayangi.

Lindung Diri, Lindung Semua.

Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.